

17/07/1997

Albright sahkan hadir sidang ARF

KUALA LUMPUR, Rabu - Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleine Albright, mengesahkan kehadirannya ke mesyuarat Forum Serantau Asean (ARF) Keempat di sini 27 Julai ini.

Pengesahan itu sekali gus menolak laporan media asing sebelum ini yang mengatakan kononnya Albright tidak akan hadir ke mesyuarat berkenaan kerana Amerika Syarikat tidak menyenangi tindakan Asean menerima kemasukan Myanmar ke dalam pertubuhan itu.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamad, ketika mengesahkan kehadiran Albright hari ini berkata, Myanmar pernah menyertai ARF tahun lalu dan Kemboja serta Laos sudah menganggotai ARF sejak dua tahun lalu.

"Jadi soal tidak mahu duduk semeja tidak timbul," katanya ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30 di Wisma Putra.

Sebelum ini laporan media asing menyebut negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (EU) sukar "duduk semeja" dengan Asean jika Myanmar menyertai gagasan itu.

Abdul Kadir berkata, ARF adalah mesyuarat yang ditetapkan oleh Asean. Justeru, Asean berhak menentukan agendanya.

Mesyuarat Pegawai Kanan Asean (SOM) akan diadakan di Sunway Lagoon Resort pada 21 dan 22 Julai, diikuti mesyuarat sebelum persidangan dan majlis menandatangani pelbagai protokol termasuk penyertaan Myanmar dan Laos ke dalam Asean pada 23 Julai.

AMM akan diadakan pada 24 dan 25 Julai diikuti ARF pada 27 Julai dan Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri Luar Asean (PMC) antara Asean dan ARF pada 28 Julai.

Pada 29 Julai, setiap menteri luar Asean akan mempengerusikan mesyuarat dengan rakan dialog Asean. Lebih 300 wartawan asing dan tempatan mengesahkan untuk membuat liputan mesyuarat itu.

Mesyuarat itu, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 24 Julai, menjadi tumpuan media antarabangsa berikutan beberapa isu utama yang menjadi pokok perbincangan terutamanya soal Kemboja.

Abdul Kadir berkata, Kemboja tidak memberi sebarang petunjuk sama ada ia akan menghantar wakilnya ke AMM. Setakat ini, Wisma Putra belum menerima pengesahan sama ada mereka akan datang atau siapa yang akan datang.

"Kami harap akan mendapat gambaran lebih jelas apabila menteri-menteri luar mula tiba di sini supaya keputusan dapat dibuat," katanya.

Beliau berkata, menteri luar mungkin menyentuh isu Kemboja yang diberikan taraf pemerhati dua tahun lalu dan sepatutnya menyertai pertubuhan serantau itu bersama Laos dan Myanmar pada mesyuarat kali ini.

Pada 10 Julai lalu, Mesyuarat Khas Menteri Luar Asean hanya memutuskan penangguhan Kemboja menyertai Asean.

(END)